

Headline	JAWHAR pantau khidmat upah haji elak umat Islam ditipu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	12	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,966



JAWHAR pantau khidmat upah haji elak umat Islam ditipu

Ipoh: Selepas penipuan pakej umrah dan haji, perkhidmatan upah haji atau badal haji yang semakin banyak ditawarkan menerusi risalah yang ditampal di tempat tumpuan awam serta masjid dan surau, sedang dipantau kerana dikhuatiri satu lagi bentuk penipuan terhadap umat Islam.

Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Mohd Bakri Ibrahim berkata, banyak risalah, poster atau sepanduk yang ditampal di beberapa tempat tumpuan awam yang menawarkan perkhidmatan badal haji pada kadar harga serendah RM1,500 seorang.

Katanya, setiap tahun kebiasaannya Lembaga Tabung Haji (TH) menetapkan kuota 2,500 orang untuk melaksanakan badal haji dan hanya memberikannya kepada 17 daripada 61 syarikat pengelola haji yang ada perjanjian muassasah, untuk melaksanakannya.

Tidak cukup orang

"Ini bermakna kemampuan untuk melakukan badal haji tidak banyak dan kebiasaannya kita tidak cukup orang untuk melakukannya disebabkan satu orang hanya boleh mengambil satu upah haji sahaja.

"Jadi, bila ada risalah yang ditampal di pokok selama setahun menawarkan

badal haji murah berserta nombor telefon pengelolanya, kita tidak tahu berapa ramai orang yang sudah menelefon nombor itu meminta perkhidmatan berkenaan," katanya ketika menyampaikan taklimat bertajuk 'Peranan JAWHAR Dalam Majlis Kawal Selia Umrah dan Kesedaran Berkaitan Penipuan Pakej Umrah' di sini,

semalam.

Taklimat itu disampaikan pada majlis Kempen Kesedaran Mengenai Penipuan Pakej Umrah/Ziarah dan Hak Kepenggunaan 2015 Peringkat Negeri Perak anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi.

Mohd Bakri juga meminta kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) atau mana-mana pihak berkuasa agar menurunkan mana-mana risalah atau sepanduk mengenai pakej umrah dan haji atau perkhidmatan badal haji yang meragukan.